

08/09/1998

Umno Johor awasi bahagian

Ahmad Fauzi Mustafa

JOHOR BAHRU, Isnin - Badan Perhubungan Umno Johor mula melaksanakan sistem pemantauan di semua 20 bahagian di negeri ini bagi memastikan keutuhan di kalangan ahli masih terpelihara.

Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pemantauan menyeluruh itu perlu dilakukan bagi memastikan ahli parti tidak terkeliru terhadap isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno.

Beliau berkata, melalui pemantauan itu, Badan Perhubungan Umno akan melihat dulu mana-mana bahagian, cawangan atau ahlinya di negeri ini yang memberi sokongan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu sebelum menyerahkan laporan lengkap kepada Jawatankuasa Disiplin Majlis Tertinggi (MT) untuk tindakan susulan.

Menurutnya, Umno Johor tidak mahu ahli parti berpecah belah akibat mendengar pelbagai andaian yang boleh merosakkan perpaduan dan keutuhan yang dibina selama ini.

"Perlu diingatkan Johor adalah kubu terkuat parti Umno. Oleh itu, jangan rosakkan benteng kuat ini begitu mudah.

"Buat masa ini, semua ahli diingatkan supaya menunggu dan melihat dulu setiap perkembangan dari semasa ke semasa dan jangan terpengaruh oleh pihak tertentu.

"Pucuk pimpinan tahu apa yang dilakukan demi kebaikan ahli, parti serta negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar sehari Forum Perniagaan Johor-Queensland mengenai peluang perniagaan di sini, hari ini.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor mengulas tindakan empat pertubuhan Islam membentuk apa yang dinamakan 'Gerakan Reformasi' bagi membangkitkan kesedaran umum mengenai 'ketidakadilan' terhadap Anwar.

Empat pertubuhan Islam itu ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi).

Sehubungan itu, Abdul Ghani berkata, beliau bersama pemimpin lain akan pergi di setiap Bahagian Umno untuk memperjelaskan isu berhubung pemecatan Anwar.

"Dari peringkat bahagian pula, pemimpin pada lapisan itu akan melaksanakan perkara yang sama menerangkan isu itu di peringkat cawangan dan seterusnya.

"Seboleh-bolehnya Umno Johor mahu semua orang berfikiran terbuka dan memahami perkara sekeliling yang berlaku sekarang ini," katanya.

Serentak itu, Abdul Ghani sekali lagi mengulangi pendirian Umno Johor yang menyokong setiap tindakan Presiden parti yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu itu.

"Kita berpendapat inilah masa paling tepat untuk memperkukuhkan Umno kerana sudah ada unsur perpecahan.

"Ahli Umno perlu berwaspada terhadap setiap tindakan masing-masing bagi mengelak pihak asing terutama golongan media menggunakan sesuatu isu sebagai senjata untuk mengecam negara pada masa ini," katanya.

(END)